

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 96

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai program khusus untuk membantu banduan-banduan mendapat latihan kemahiran dan memasuki semula pasaran kerja selepas dibebaskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah bekerjasama dengan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) untuk menyediakan khidmat latihan TVET dengan pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di 37 buah penjara yang telah diluluskan oleh JPK sebagai penyedia latihan SLDN di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

SOALAN NO: 96

2. Sehingga April 2019, seramai tiga belas ribu, tujuh ratus tujuh puluh sembilan (13,779) perantis terdiri daripada banduan dan tahanan telah berjaya didaftarkan di dalam pelbagai program meliputi empat puluh tujuh(47) kod bidang, berpandukan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS). Banduan dilatih supaya memiliki kemahiran yang menjadi nilai tambah untuk diterima dalam pasaran pekerjaan. Mereka juga mendapat persijilan kemahiran Malaysia yang diiktiraf Kerajaan dan industri.
3. Program SLDN ini menjadi platform menyediakan peluang pekerjaan kepada bekas banduan yang mengikuti program ini supaya dapat menyara kehidupan selepas dibebaskan. Ia sekali gus menjadi kaedah pemulihan yang efektif dengan penumpuan diberi kepada meningkatkan taraf ekonomi mereka.
4. Kesimpulannya, kejayaan program SLDN di JPM ini menggalakkan Kerajaan untuk meneruskan program tersebut dengan agensi-agensi lain yang mahu bekerjasama dengan KSM bagi membantu memulihkan dan mengembalikan banduan untuk hidup dalam kalangan masyarakat dengan lebih baik.

SOALAN TAMBAHAN 1

Apakah antara bidang yang dipilih oleh Jabatan Penjara Malaysia (JPM) bagi dilaksanakan latihan secara SLDN?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Penjara Malaysia (JPM) bekerjasama dengan JPK dan beberapa agensi lain untuk melaksanakan persijilan secara SLDN bagi bidang ‘Pemanduan Kenderaan Perdagangan’.
2. Objektif program adalah untuk melatih bekas banduan dan tahanan sebagai perantis bagi mempelajari dan meneruskan kemahiran yang diperolehi di JPM untuk dipraktik di alam kerja sebenar. Mereka turut ditawarkan kerjaya sebagai pemandu profesional dan terlatih bagi kenderaan perdagangan. Malah, peningkatan kerjaya juga terbuka luas dalam bidang ini di mana perantis yang berjaya boleh mencapai tahap yang lebih tinggi pada masa hadapan sebagai Penyelia Eksekutif, Penolong Pengurus dan Pengurus Pengangkutan. Setiap perantis layak dipersijilkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sehingga ke tahap 2 bagi bidang NOSS :TP-320-2:2012- *Light, Public Service & Goods Vehicle Driving.*

SOALAN TAMBAHAN 2:

Berapa ramai banduan yang telah dipersijilkan untuk program dalam bidang ‘Pemanduan Kenderaan Perdagangan’?

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga Mac 2018, seramai 153 orang perantis telah berjaya dipersijilkan dengan SKM tahap 2 dan mendapat pekerjaan di pelbagai syarikat pengangkutan seperti Syarikat Konsortium Transnasional Berhad, Pengangkutan Maju Berhad dan Metrobus sebaik sahaja selesai tamat latihan dengan pendapatan bulanan RM2000 hingga RM2500.